




Ayer Mata Mengalir Mengenangkan Pegawai2 Kerajaan Brunei Yang Telah Terkorban Pada Masa Berlaku Penderhakaan

D. Y. M. M. MERASMIKAN

Pembukaan Tugu Peringatan

BANGAR. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Tugu Peringatan bagi memperingati Pegawai2 Kerajaan yang terkorban di-Daerah Temburong semasa berlaku penderhakaan dalam bulan Disember tahun 1962 dalam satu upacara yang penuh kesedehan di-Pekan Bangar, Temburong pada pagi hari Ahad 5 Januari, 1964.

Sa-lepas merasmikan pembukaan Tugu Peringatan tersebut, Baginda pun meletakkan sakalung bunga yang membayangkan ketapa sedeh-nya Baginda terhadap Pegawai2 yang terkorban itu pada masa mereka menjalankan kewajipan mempertahankan kedaulatan Negeri Brunei Darus Salam.

Tugu Peringatan itu telah dibena oleh Kerajaan Brunei dengan memakan perbelanjaan sa-

banyak lima ribu ringgit. Tinggi-nya ia-lah 15 kaki 6 inci.

Pegawai2 Kerajaan Brunei di-Daerah Temburong yang terkorban pada masa berlaku penderhakaan tersebut ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Allah Yarham Pengiran Besar bin Pengiran Kula; Sarjan 20, Pengiran Ali bin Pengiran Ghani; Inche Mohamed Hassan bin Ma'un; Inche Sabli bin Ampuan Judah; Inche Abdul Hamid bin Ahmad; Inche Abdul Ghani bin Abdullah dan Mendiang P.C. 175, Chen Tong Seng.

BETAPA SEDEH-NYA

BAGINDA KETIKA . . .

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menyatakan dalam titah ucapan Baginda di-majlis tersebut bahawa betapa sedeh-nya Baginda ketika mengenangkan "gugur-nya Pahlawan2 negara" yang telah terkorban itu.

Mereka terkorban kerana ta'at setia mereka kepada Kerajaan dan negara dan kebaktian mereka itu tidak-lah akan dapat di-lupakan dan akan diingati selama2-nya, titah Baginda.

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang baik dari seluruh ra'ayat yang membuktikan bahawa ra'ayat di-negeri ini ada-lah chintakan keamanan dan kema'amoran dengan amalan bersatu padu dalam mempertahankan hak2 negara.

Sebagai memperingati jasa2 mereka yang terkorban itu dalam satu Istiadat Bertindek dan Berkhatan Puteri2 Baginda baharu2 ini, Baginda telah mengurniakan Pingat2 Keberanian ia-itu Pingat



Ini-lah satu pemandangan yang penuh dengan kesedehan pada masa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin merasmikan pembukaan Tugu Peringatan di-Pekan Bangar, Temburong pada pagi 5 Januari, 1964.

Perwira Agong Negara, Perengkat Pertama kepada Allah Yarham Pengiran Besar bin Pengiran Kula dan juga kepada Allah Yarham Inche Mohamed Hassan bin Ma'un; Pingat Pahlawan Negara Brunei, Perengkat Ketiga kepada Allah Yarham Sarjan Pengiran Ali; Pingat Perwira Negara Brunei, Perengkat Kedua kepada Allah Yarham2 Inche Sabli bin Ampuan Judah, Inche Abdul Hamid bin Ahmad dan Inche Abdul Ghani bin Abdullah. Mendiang P.C. 175, Chen Tong Seng telah di-kurniakan Pingat Perjuangan.

Seramai 20 orang Pegawai2

Kanan Kerajaan, isteri2 dan keluarga2 Pegawai2 Kerajaan yang telah terkorban pada masa berlaku penderhakaan di-negeri ini dalam bulan Disember 1962 serta wakil Pasokan Keselamatan dan Residen Limbang, Sarawak telah meletakkan kalong2 bunga di-Tugu Peringatan tersebut.

Antara Pegawai2 Kanan Kerajaan yang telah meletakkan kalong2 bunga di-Batu Peringatan tersebut ia-lah Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Pesuruhjaya Tinggi Ing-

(Lihat Muka 5)

ISTIADAT PENGURNIAAN BINTANG2 DAN PINGAT2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 kepada ramai ra'ayat Brunei dan ra'ayat dari luar negeri baharu2 ini.

Istiadat2 itu telah di-adakan di-Balai Pamajangan, Istana Darul Hana pada hari Khamis 2 Januari dan pada hari Sabtu 11 Januari.

Di-antara orang2 yang telah di-kurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 tersebut oleh Duli Yang Maha Mulia ia-lah orang2 yang telah berjasa kepada Negeri Brunei pada masa berlaku penderhakaan di-negeri ini dalam bulan Disember 1962.

Baginda juga telah mengurniakan Pingat2 Keberanian kepada Pegawai2 Kerajaan Brunei di-Daerah Temburong yang telah terkorban semasa berlaku penderhakaan tersebut. Pingat2 itu telah di-terima oleh isteri2 dan keluarga Pegawai2 yang berkenaan itu.

RAMAI PENUNTUT2 BRUNEI LULUS DALAM PEPEREKSaan "L.C.E."

BANDAR BRUNEI. — Ramai bilangan penuntut2 Sekolah2 Inggeris di-Negeri Brunei telah lulus Peperiksaan "Lower Certificate of Education" yang telah di-adakan di-Bandar Brunei dan Seria dalam tahun lepas.

Penuntut2 itu ia-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Misi Saint Andrew's, Maktab Anthony Abell, Sekolah Misi Saint Michael, Sekolah Misi Saint Margaret dan Sekolah Misi Saint Angela Convent.

Sa-lain dari itu beberapa orang calon bersendirian telah juga memasuki peperiksaan tersebut di-Bandar Brunei dan di-Seria.

Keputusan penoh peperiksaan tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini.

MAKTAB SULTAN OMAR

ALI SAIFUDDIN

Abd. Majid b. Abd. Hamid — (III), Abd. Wahab b. Abd. Latiff — (I), Abu Bakar b. Hj. Apong — (II), Ahmad bin Mat Noor — (I), Ak. Abd. Razak b. Pg. Ahmad — (III), Ak. Hj. Hamdan b. Pg. Hj. Ismail — (I), Ak. Hassan b. Pg. Yusof — (II), Ak. Ibrahim b. Pg. Jadid — (I), Ak. Ismail b. Pg. Damit — (I).

Ak. Kamaluddin b. Pg. Besar — (III), Ak. Mahali b. Pg. Damit — (I), Ali bin Abd. Razak — (I), Ali Hashim b. Hj. Daud — (I), Aw. Ahmad b. Aw. Ghafar — (II), Bell, Eddie — (III), Bini bin Pudir — (I), Chin Vui Yin — (I), Hidup bin Hj. Ya'akub — (II).

Hj. Aw. Besar b. Hj. Metusin — (I), Ho Guan Hwa — (I), Kambar bin Jaboh — (I), Lim Eng Toon — (III), Lim Jock Beng — (III), Lim Pun Chin — (I), Marzuki b. Ahmad — (I), Md. Salleh b. Abu Bakar — (III), Md. Samin b. Zakaria (I).

Nordin b. Abd. Wahab — (II), Ramli b. Mohammed — (III), Ramlee bin Hitam — (I), Ross, Patrick — (I), Saban b. Aman — (I), Saban b. Yahya — (I), Salleh bin Omar — (I), Sarwadi b. Hj. Abdullah — (I), Serudin b. Tinggal — (I).

Shahri b. A. Hussein — (III), Sharbini b. Aw. Sunggoh — (II), Taib b. Adis — (I), Tan Boon Kwang — (I), Wee Liang Hoon — (I), Ya'akub bin Sunny — (I), Yusoff bin Ismail — (I), Zainal bin Ibrahim — (I).

SEKOLAH SAINT

ANDREW'S

Chong Vincent — (I), Fang Teck Chai — (III), Jan Martin — (I), Koh Lian Choon — (I), Kok Fook Onn — (I), Mak Chee Kee — (III), Onn Ah Chai — (III).

Roslan Mustapha Omar — (III), Tan Hoi Siang — (I), Wong Wing Chin — (III), Chan Wah Lye — (I), Chieng Mee Sieng (Agnes) — (III), Fung

Wan Yin — (I), Yap Yat Ghee — (I).

SEKOLAH TINGGI

PEREMPUAN

RAJA ISTERI

Chin Nyuk Chin — (I), Dk. Mariam bte. Pg. Metussin — (I), Karamjeet Kaur — (III), Katherine Chen — (I), Lim Soh Pek — (I), Nelly bte. Sunny — (I).

Norah bte. Abbas — (I), Norsiah bte. Hj. Daud — (I), Rosnah bte. Hasbollah — (I), Tan Mai Lin — (I), Wan Nyuk Yin — (I), Wong May Sim — (I).

Chalon2 bersendirian yang mengambil peperiksaan Bahasa Inggeris sahaja di-Bandar Brunei dan lulus dalam peperiksaan itu ia-lah :—

Ak. Zahari b. Pg. Damit, Abu Bakar bin Salleh, Foo Sun Hoo, Goh Lian Ching, Hamdani bin Abd. Rahman, Md. Hussain bin Md. Ali.

Mohammad Noor bin Md. Salleh, Sia Lim Mee, Tan Kok Voon, Wong Chung Hing, Lim Kim Hong, Tan Boon Lang, Yeo Gi Guan.

Chalon bersendirian yang mengambil peperiksaan Bahasa Melayu sahaja di-Bandar Brunei dan lulus dalam peperiksaan itu ia-lah Abdul Ghani bin Muhammad.

MAKTAB ANTHONY ABELL

Abd. Hamid b. Ma'aruf — (II), Abd. Hamit b. Maruni — (I), Ahmad bin Abas — (II), Ak. Ali Hassan b. Pg. Abas — (I), Ak. Omar bin Pg. Sabtu — (I), Aliadin b. Abd. Rashid — (II), Amjah bin Duraman — (I), Aw. Ali b. Aw. Buntar — (I).

Bakri bin Md. Idris — (III), Chong Thian Choi — (III), Ishak b. A. Hamid — (I), Mohd. Jaya bin Sahat — (II), Khoo Chee Siong — (I), Luke Liew — (III), Maiden bin Tinggal — (I), Mark Liew Vun Fah — (I).

Mathew Michael Ng Fatt Fook — (I), Mohammad bin Ghazalli — (III), Shari bin Ahmad — (II), Wong Sooi Yee — (I), Yakub bin Bakar — (I), Yunos bin Noh (I).

Chai Ah Eng — (I), Ho Geok Fah — (I), Koo Chiaw Lian — (I), Khung Ching Yee — (I), Low Wai Lin — (I), Tan Lai Moi — (I), Wong Flora — (I).

SEKOLAH SAINT

MICHAEL

Abdullah bin Zakiah — (I), Allan Sing — (I), Cheng Huai Nan — (I), Cheong Wee Kim — (I), Chin Kok Ming — (I), Chong Teng Kiang — (I),

Chung Fan Pin — (I), David Wong — (I).

Dominic Thong — (I), Edward Guibarra — (I), Gabriel Chung — (I), Han Jau Kwang — (I), Harold Tan — (I), Jawi Buma (III), James Michael — (I), Lau Chin Onn — (III), Lai Cheok Hang — (III), Leong Chin Fui — (I), Leong Ken Voon — (I), Leong Kiang Yew — (III), Martin Hiew — (I), Masri Mohijuddin — (I), Michael Lim — (I), Murali N.K. — (I).

Nicholas Song — (I), Noel Virdi — (I), Thaddeus Tschai — (I), Paul Wong — (I), Tham Kok Fon — (I), Th'ng Kok Kuang — (I), Verhgesse Abraham — (I), Wong Siew Chin — (III).

SEKOLAH SAINT

MARGARET'S

Chong Fook Ngian, Francis — (I), Chong Yu Yin — (I), Goh Eng Chuan — (I), Ho Wah Sang — (I), Lee Shin Chung — (III), Lo Ban Seng — (I), Sim Boon Kiat — (II).

Tan Kwong Hui, Gregory — (I), Wong Lit King — (III), Wong Wei Syn — (I), Chong Mei Lin — (III), Chua, Lily — (III), Ho Sze Hiong, Monica — (I), Kok Ah Mui — (III).

Mary Mathews — (I), Soon Guek Neo, Dorothy — (III), Tan Ah Wan — (I), Tan Lee Eng, Mary — (I), Tang Soong Liang — (I), Wong Kui Moi — (III), Yun Shun Fong — (I).

SEKOLAH SAINT

ANGELA CONVENT

Chan Nyuk Ming, Priscilla —

(I), Chee Helen — (I), Darley Shirley — (I), Golinsu Thorie — (I), Ho Guek Noi — Rose-Mary — (I), John Rajamma Elizabeth — (I).

Juttie Alice Uri — (I), Kok Siew Chin — (I), Kuek Mildred — (I), Lau Yueh Mee — (III), Long Siew Ngoh — (I), Leong Yuen Fong — (I).

Li Lai Wan Linda — (I), Masudal Janette Bernardine — (I), Ng Wai Ho — (I), Sim Siew Yung — (III), Simons Mary Ann — (I), Tan Geok Choo — (III).

Tiong Tuang Leng Susanna — (I), Wan Yin Hiong Theresa — (I), Wee Siok Eng — (I), Wong Seau Han — (I), Yapp Hong Kim Molly — (I).

Chalon2 bersendirian yang mengambil peperiksaan Bahasa Inggeris sahaja di-Seria dan lulus dalam peperiksaan itu ia-lah :—

Foo Siew Yin, Hong Kok Chee, Kiew Ling Fong, Law Wai Koon, Lee Yiern Mei, Lim Ah Len, Ng Foo Thin, Shim Yun Ching, Siah Siew Lian.

Tang Wan Hee, Tan Soo Hui, Wan Hui Ling, Foo Say Kin, Tham Thong Choi, Wong Ban Ching, Yong Han Tat.

Ng Teck Chai, sa-orang calon bersendirian yang mengambil peperiksaan Bahasa Kebangsaan sahaja di-Seria telah lulus dalam peperiksaan itu.

Wong Siew Ming sa-orang lagi calon bersendirian yang mengambil peperiksaan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Melayu telah lulus dalam peperiksaan tersebut.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini sedang mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Ke-dua, Darjah Mahkota Brunei kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman. Beliau akan kembali ke-Malaya sedikit hari lagi setelah tamat perkhidmatan beliau di-Negeri Brunei sa-lama dua tahun.

1,250 TAN BERAS THAI AKAN TIBA DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sebanyak 1,250 tan beras akan tiba di-Brunei dari Bangkok sadikit hari lagi, ia-itu pengiriman yang pertama beras Thai ka-Brunei, berdasarkan kepada satu perjanjian yang telah di-tanda tangani di-antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan Thai di-Bangkok tidak berapa lama dahulu.

Menurut perjanjian tersebut, Kerajaan Thai telah bersetuju untuk membekalkan sa-banyak 8,000 tan beras putih Kelas Satu kepada Kerajaan Brunei pada tiap2 tahun.

Beras putih yang akan di-kirinkan ka-Brunei berharga f.o.b. Bangkok, sa-banyak S\$51-5-9d pada tiap2 satu tan.

Bayaran itu termasuk-lah bayaran tambang, insuran, ka-untungan dan lain2 bayaran yang dikenakan.

Apabila beras itu di-keluarkan oleh Penguasa Pengawal Setor Negara, penjual2 beras di-Daerah Brunei akan membayar sa-banyak \$1.70 sen pada tiap2 satu gantang, manakala penjual2 beras di-Daerah Belait-Seria pula akan membayar sebanyak \$1.75 sen pada tiap2 satu gantang.

Penjual2 beras itu boleh menambahkan harga jualan beras mereka kepada orang ramai dengan harga tidak lebih dari 10 peratus daripada harga yang mereka membeli dari Kerajaan.

Dengan hal yang sademikian, beras yang di-jual kepada orang ramai oleh penjual2 itu di-Daerah Brunei berharga \$1.87 sen pada tiap2 satu gantang.

Beras yang di-jual kepada orang ramai oleh penjual2 di-Daerah Belait-Seria berharga \$1.92 sen pada tiap2 satu gantang.

Berita ini dapat-lah menghaspulkan khabar2 angin yang bertuip di-kalangan sa-bilangan orang ramai baharu2 ini bahawa beras Thai itu yang akan di-jual kepada orang ramai oleh penjual2 beras di-Negeri Brunei akan melambong naik hingga ka sa-banyak \$2.30 sen pada tiap2 satu gantang.

Melawat Brunei

BERAKAS. — Pegawai Pementrentah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Singapura pada petang hari Rabu 8 Januari.

Beliau telah di-iringi oleh Kapitan Syed Alwee bin Syed Ja'afar dan Kapitan Othman bin Puntong.

Lieutenant Colonel Tengku Ahmad, Kapitan Syed Alwee serta Kapitan Othman telah di-sambut di-Lapangan Terbang Brunei oleh Pegawai Perhubungan Askar Melayu Brunei, Major K. Riley.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15 Januari, hingga ka-hari Juma'at 31 Januari, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
15	4.59	5.14	12.38	3.57	6.30	7.43
16	5.00	5.15	12.38	3.57	6.30	7.43
17	5.00	5.15	12.39	3.58	6.30	7.44
18	5.01	5.16	12.39	3.58	6.31	7.44
19	5.01	5.16	12.39	3.58	6.31	7.44
20	5.01	5.16	12.40	3.59	6.32	7.45
21	5.01	5.16	12.40	3.59	6.32	7.45
22	5.01	5.16	12.40	3.59	6.33	7.46
23	5.01	5.16	12.40	3.59	6.33	7.46
24	5.01	5.16	12.41	4.00	6.34	7.47
25	5.02	5.17	12.41	4.00	6.34	7.47
26	5.02	5.17	12.41	4.00	6.34	7.47
27	5.02	5.17	12.41	4.00	6.34	7.47
28	5.02	5.17	12.42	4.00	6.35	7.48
29	5.02	5.17	12.42	4.01	6.35	7.48
30	5.02	5.17	12.42	4.01	6.35	7.48
31	5.02	5.17	12.42	4.01	6.35	7.48

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Darjah Menaip


BANDAR BRUNEI. — Darjah2 Menaip akan di-buka pada hari Rabu 19 Februari, 1964.

Orang2 yang hendak belajar menaip di-darjah2 tersebut diminta mendaftarkan nama masing2, tidak lewat dari hari Juma'at 31 Januari, 1964 di-Pusat2 Pendaftaran yang disebutkan ini:

Daerah Brunei: Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Daerah Belait: (1) Pejabat Pelajaran, Belait dan (2) Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

PERAYAAN2 DI-ISTANA



Gambar2 ini di-ambil di-pekarangan Istana Darul Hana baharu2 ini pada masa di-adakan perayaan2 sambutan Istiadat Bertindak dan Berkhatan Puteri2 Di-Raja. Gambar atas — Satu pemandangan persembahan oleh penduduk2 Daerah Belait. Gambar bawah — Persembahan Kaum Tiong Hua.



Darjah Trengkas

BANDAR BRUNEI. — Darjah2 Trengkas Melayu Kaedah Gregg akan di-buka pada hari Rabu 19 Februari, 1964.

Pendaftaran untuk orang2 yang hendak belajar di-Darjah2 Trengkas Melayu tersebut akan di-adakan di-Pusat2 Pendaftaran yang berikut:

Daerah Brunei: Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Daerah Belait: (1) Pejabat Pelajaran, Belait. (2) Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. (3) Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Daerah Tutong: Pejabat Pelajaran, Tutong.

Tarikh yang akhir bagi menerima pendaftaran orang2 yang hendak belajar di-Darjah2 Trengkas Melayu tersebut ia-lah hari Juma'at 31 Januari, 1964.

Darjah2 Dewasa

BANDAR BRUNEI. — Semua Darjah2 Dewasa bagi orang2 yang bukan Melayu akan di-buka pada hari Rabu 19 Februari, 1964.

Pendaftaran untuk orang2 bukan Melayu yang hendak belajar di-Darjah2 Dewasa tersebut akan di-adakan di-Pusat2 Pendaftaran yang disebutkan ini:

Daerah Brunei: Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Daerah Belait: Pejabat Pelajaran, Belait; Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Daerah Tutong: Pejabat Pelajaran, Tutong.

Pendaftaran tersebut akan ditutup pada hari Juma'at 31 Januari, 1964.

Kebudayaan Sa-Pintas Lalu

MENGENAL KEBUDAYAAN LEBEH DEKAT

Kebudayaan atau budaya atau pun sa-bagaimana ia-nya di-panggil dengan menggunakan dua kerat perkataan — SENI dan BUDAYA — ada-lah agak kurang lengkap dengan hanya menga-takan bahawa tarian ADAI2 NAINDONG itu ada-lah salah satu tarian kebudayaan asli Brunei atau lagu LU ILLALLAH dan BASI-DUNDANG itu nyanyian2 kebudayaan asli kita Brunei, atau pun pakaian kebaya panjang itu salah satu pakaian kebudayaan asli orang2 kita di-Brunei dan lain2-nya lagi dalam bidang2 yang lain.

Untuk mengenal lebih dekat dan lebih jelas tentang kebuda-yaan maka ada baik-nya kita bersama2-lah mengenal terlebih dahulu apa-kah dia ma'ana yang terkandung dalam perkataan kebudayaan atau budaya itu. Saya rasa perkataan SENI itu terta'-alok-lah dalam kebudayaan, ke-rana kebudayaan tidak akan lengkap jika tiada ada seni di-dalam-nya.

TUJUAN POKOK

Tetapi sa-belum itu pula elok rasa-nya saya tumpukan dan dasarkan tulisan saya ini dengan apa yang terdapat di-tanah ayer kita sendiri ia-itu Brunei yang kita cintai ini. Dalam menja-lankan penyelenggaraan itu pula dan menggali akar umbi kebuda-yaan kita dan untuk mengenal bentuk rupa kebudayaan kita yang tulin, kita terpaksa menau-leh ka-belakang agak jauh sa-dikit. Dengan ini nanti perban-dingan2 dan unsor2 kebudayaan kita akan dapat di-tatap dan di-nilai sifat dan chorak-nya yang tersendiri dan yang terasing dari yang lain2 itu.

Untuk lebih khusus mari-lah kita bersama2 mengikuti lebih dahulu tentang sa-kerat perka-taan yang menjadi pokok tulisan ini ia-itu KEBUDAYAAN.

KEBUDAYAAN a d a - l a h berasal dari perkataan BU-DAYA ia-itu perkataan dalam bahasa Sanskrit, erti-nya da-lam bahasa Arab ia-lah ADAB. Dalam bahasa Barat atau Inggeris — CULTURE. Tetapi kalau perkataan2 Arab dan Inggeris ini di-kembalikan sa-mula kapada bahasa kita maka masing2 membawa pengertian yang berlainan pula walau pun ada sangkut paut-nya dengan tujuan pokok. Maka dari itu-lah beberapa orang ahli kebuda-yaan kita Melayu telah men-gertikan kebudayaan itu de-ngan berbagai ma'ana. Namun demikian, tujuan dan maksud-nya ada-lah satu jua.

Tuan Haji Agus Salim dalam buku-nya yang bernama Dje-djak Langkah Hadji A. Salim ada menerangkan erti kebuda-yaan.

Kebudayaan, kata-nya, ada-lah persatuan antara BUDI dan DAYA dan menjadi satu perka-taan yang membawa ma'ana atau erti yang sa-jiwa yang tidak lagi boleh di-pisah2 atau di-bahagi2kan. Dengan hal yang

demikian pada tiap2 satu perka-taan, mithal-nya budi, ada men-gandongi ma'ana — akal, fiki-ran, pengertian, faham, jalan, pendapat, ikhtiar, akhlak dan pandai; dan daya pula mengan-dongi ma'ana — tenaga, kekuat-an, pengaruh, kesanggupan, ke-bolehan dan akal fikiran. Maka dari ma'ana kedua kerat perka-taan ini-lah timbul kebudayaan.

P e n d e k - n y a , kebuda-yaan ada-lah mempunyai him-punan segala usaha2 dan akal fikiran serta daya upaya yang di-kerjakan dengan menggu-nakan hasil pendapat budi un-tok memperbaiki sa-suatu de-ngan tujuan hendak mencha-pai kesempurnaan dan leng-kap, dan mencari penyesuaian di-dunia.

Kebudayaan sa-suatu bangsa pula ia-lah segala2 rupa bentuk kehidupan masyarakat itu yang umum dan yang tidak sa-mula jadi, ia-itu bukan di-bawa-nya dari sejak ia lahir ka-dunia maya seperti rambut-nya hitam atau chara-nya ia ketawa dan mena-ngis.

Jamaluddin, yang juga di-kenal sa-bagai Adi Negoro pula, dalam buku-nya yang bernama Falsafah Ratu Dunia telah mene-rangkan tentang kebudayaan de-ngan huraian2 :

1. membersekan jiwa ma'-nusia dengan pendidikan dan pe'ajaran dalam hal kebatinan, budi pekerti dan kesenian,
2. hasil dari penyempurnaan itu yang terbukti pada lakuan ma'anusia dan dalam chara hi-dup, dan
3. hasil dari usaha ma'anusia yang telah mempunyai kemajuan itu.

DUA BAHAGIAN

Dengan huraian2 yang di-berikan oleh Jamaluddin itu makin jelas-lah bahawa kebudayaan berasal dari budi dan daya yang tidak boleh lagi di-pisah2 atau di-bahagi2kan, bak kata sudah menjadi kuku dengan isi, seperti juga ma'anusia dengan kebang-saan-nya. Ma'anusia yang tidak mempunyai kebangsaan bukan-lah di-katakan ma'anusia. Se-dangkan binatang dan tumbuh2-an ada dengan kumpulan dan jenis-nya masing2.

Pada garis besar-nya kebuda-yaan dapat-lah kita kumpulkan kapada dua bahagian ia-itu kebuda-yaan kebendaan dan kebuda-yaan "spiritual" atau rohani.

◆ Dari Persatuan Seni Budaya Melayu, Brunei, Sdr. Zul-Kiflie H. Abdul-lah membawa para pembaca sekalian bersama2 menyelongkar dan mem-perkatakan tentang kebudayaan kita (Melayu) yang sekarang ini mulai mendapat perhatian awam. Dalam keluaran ini Sdr. penulis akan mem-bawa pembaca2 sekalian memperkatakan tentang pengertian perkataan yang menjadi pokok tulisan-nya ini.



Dalam gambar yang menunjukkan salah satu tarian Asli Melayu ini penari2-nya kelihatan memakai baju kebaya panjang.

Kebudayaan kebendaan atau material merupakan perkakas2 yang di-reka, di-chipta dan di-adakan bagi memenohi keper-luan hidup sa-hari2an seperti barang2 yang berupa perkakas dapur (periok, belanga, tambak, dan tiup api), senjata (parang, bujak, keris, sumpitan, chandong, ilang, tombak, pedang, dan sangkap), rumah, bangunan, bar-rang2 berhiasan (bidok kelambu, sajudah, tabir, chadar, tikar, a'as meja, lampit, dan ukiran2), kelengkapan (sampan, perahu, usongan, kuntol dan kereta lembu), dan lain2 lagi yang di-chipta oleh ma'anusia.

KEBUDAYAAN ROHANI

Kebudayaan rohani (spiritual) ia-lah keperchayaan, baik dalam segi Ugama, ilmu pengetahuan tentang alam dan perjalanan-nya dan mau pun selok belok yang berkaitan dengan-nya, dalam bi-dang2 siasah atau politik, eko-nomi, dan undang2. Sa chara 'am boleh-lah saya katakan baha-wa budi dan akhlak termasuk juga di-dalam-nya; ia-itu dalam pembawaan kehidupan sa-sa-orang dari segi 'adat istiadat, pe-ratoran dan sopan santun.

Sayugia di-ingatkan bahawa dari dua garis besar kebudayaan yang saya sebutkan itu tadi, kebuda-yaan rohani atau budi-lah yang terpenting. Ia-nya meng-ambil peranan istimewa dan terus menerus tidak berenggang, bahkan sa-makin biak dan ber-kembang di-sisi masyarakat sa-suatu bangsa.

Dari segi membentok ke-kehuargaan dan perhubungan antara satu masyarakat yang lain; tentang bangunan sia-sah, tugas dan peranan raja atau sultan, penghulu, anak2 buah (kampong), dan sa-terus-nya.

Dari segi Ugama dan kepercha-yaan, kita akan dapati tugas dan pengaruh kuasa2 ghaib terhadap pembentokan dan penghidupan sa-suatu masyarakat dan bangsa.

Dalam pada itu pula dengan

menganalisiskan berbagai2 yang tertentu itu tadi, jangan-lah pula hendak-nya kita memikirkan ba-hawa kebudayaan boleh di-pisah2 atau di-bahagi2kan, mau pun di-pechah2kan.

Saperti yang saya telah sebut-kan walau pun kebudayaan itu berasal dari beberapa kerat per-kataan atau mempunyai ma'ana yang berbagai2, namun tujuan, maksud dan kandungan-nya ada-lah satu.

Tetapi bagaimana-kah kita, khas-nya bangsa Melayu di-Brunei ini, dapat menjayakan chita2 yang luhur morni itu? Jawab-nya pendek dan ringkas sahaja. Kita hendak-lah bersatu padu, berkerjasama, bantu-mem-bantu dengan tidak mengira apa jua serta dengan durongan sema-ngat tidak ada perkauman dan beza-membeza. Yang lebih wa-jib dari itu ia-lah bebas dan ke-bebasan.

Sekarang kebebasan sudah ada. Mengapa-kah kita belum lagi mara untuk memenohi chita2 dan maksud baik itu?

Pertanyaan senang sahaja di-soalkan, tetapi chuba-lah penyoal itu menjawab sendiri akan per-tanyaan-nya itu.

Di-sana sini di-Brunei ini ada terdapat persatuan2, kumpulan2 dan juga persaorag yang beru-saha giat dalam tujuan untuk mempertinggi, memperkembang, dan mengenalkan ketinggian, ke-halusan dan kekayaan kebuda-yaan kita, dalam berbagai2 bi-dang dan bahagian. Tetapi de-ngan itu saja tidak-lah memadai. Apa yang lebih memberi kesan ia-lah kerjasama dan sokongan dari sa-tiap lapisan masyarakat dalam bentuk apa jua yang me-reka boleh dermakan, dan biar pun hanya dalam bentuk moral.

(Dalam tulisan-nya akan datang saudara Zul-Kiflie akan membinc-hangkan apa-kah guna dan faedah-nya kebudayaan dan mengapa ia-nya mengambil peranan utama di-sisi baga—Pengarang)

RENONGAN UNTOK MEMBAWA HARAPAN BAIK

MERENONG kepada yang lepas dan berharap kepada yang akan datang. Demikian madah di-pinggir antara dua zaman — tahun 1963 dan 1964!

Madah ini pula jangan-lah hendak-nya di-pengarohi oleh rangkaian kata2 pujangga, "buangkan yang keroh dan ambil-lah yang jerneh," andai-nya kita menghendaki sa-suatu yang lebeh baik, lebeh berguna dan lebeh berfaedah dari yang sudah2. Sa-bagaimana hidup mempunyai pedoman begitu-lah juga ia-nya mempunyai hala yang tertentu untok di-tuju.

Dalam tahun yang lalu banyak-lah perkara2 yang beraneka rupa dan ragam telah berlaku; di-negeri2 tetangga, dan di-mana2 juga di-dunia ini, dan mau pun di-negeri kita sendiri, Brunei.

Antara perkara2 yang berlaku itu ada yang mendatangkan faedah kepada ma'anusia dan tidak pula kurang-nya yang tidak diinginkan oleh ma'anusia, tegas-nya yang di-kutok.

PERPADUAN

Di-sekitar kawasan kita di Asia Tenggara ini pembentokan sa-buah negara baharu, Malaysia telah terujud, penyerahan Irian Barat kepada Kerajaan Soekarno telah berlaku, dan penandaan tangan bagi berbagai2 chorak perjanjian antara negeri2 untok keamanan dunia hampir2 boleh di-chapai kesan-nya oleh pehak2 Barat dan Timor.

Apa yang mengharu dunia ialah pembunuhan yang telah berlaku ka-atas President Kennedy. Berita mengejut yang menggem-parkan itu telah di-terima dengan sedeh-nya oleh seluruh ma'anusia yang chinta kepada keamanan dan perpaduan ma'anusia.

Di-negeri kita pula telah banyak perkara2 — dalam berbagai2 bidang — di-kalangan awam dan kenegaraan telah berlaku.

Penting untok di-ingati ialah berbagai2 projek dalam bidang perkembangan telah dapat di-kendalikan dengan lincin dan senunoh.

LADANG BAHARU

Di-daerah2 di-negeri ini beberapa batang jalan raya tanah telah siap di-bena dan sekarang sudah pun dapat mendatangkan faedah kepada penduduk2 di-kampung. Ada-nya jalan2 raya demikian sudah tentu-lah menggalakkan lagi perkembangan kemajuan di-kampung2.

Di-Daerah Tutong kira2 200 ekar tanah paya baharu telah dibuka di-Kampung Rambai dan sekarang menjadi ladang (padi) sawah yang terbesar di-daerah itu.

Di-daerah ini juga dan Daerah Temburong telah mendapat

bakalan ayer yang lebeh baik dari tahun2 yang sudah apabila kerajaan telah membena beberapa buah perigi untok kemudahan orang ramai.

Penduduk di-Kampung Sungai Teraban (ia-itu kampung dudok-nya di-seberang Pekan Kuala Belait) di-Daerah Belait buat pertama kali telah mendapat baka-



Salah sa-buah jalan raya baharu yang di-bena di-pedalaman Daerah Tutong.

MEMBAWA KEBAHAGIAAN

lan ayer paip. Paip telah di-seberangkan melalui bawah permukaan Sungai Belait dari Pekan Kuala Belait.

Sa-belum itu penduduk2 di-kampung tersebut terpaksa berkayoh menyeberang sungai ka-Pekan Kuala Belait untok mendapatkan bakalan ayer. Anak2 Kampung yang tidak mempunyai sampan terpaksa berharapkan ayer hujan sahaja.

Dalam tahun yang lalu itu juga pehak Sharikat Minyak Shell Brunei telah mendatangkan satu alat pengorek minyak di-bawah aras laut yang moden, SIDEWINDER. Alat ini menggantikan Orient Explorer.

Alat baharu tersebut di-beritakan telah berjaya mengorek jauh lebeh dalam dan beberapa perchubaaan telah menemui alam2 baik tentang hasil minyak dari pengorekan2 yang telah dibuat.

Majlis2 Mashuarat Dharurat yang telah di-tubuhkan sejak meletus-nya penderhaka'an da-

lam bulan Disember tahun 1962 telah di-bubarkan dan satu Majlis Mashuarat Negeri yang baharu telah di-bentok sa-bagai satu langkah menuju ka-arah susunan pemerintahan yang mulai puleh, dan terator menurut kehendak ra'ayat.

Sa-ramai lebeh dari 1,000 orang2 tahanan telah di-bebaskan sa-telah menjalani kursus pemulehan sejak terbentok-nya Pusat Pemulehan awal tahun lalu.

PERPINDAHAN

Dalam tahun lalu itu juga per-sediaan2 dan urusan2 dalam usaha untok menjayakan ranchangan perpindahan telah berjalan dengan giat.

Beberapa hari sa-belum Malaysia terbentok dalam bulan September tahun lalu, Kerajaan Brunei telah mengambil keputusan belum dapat menyertai da-

lam persekutuan baharu itu, kerana sebab2 mengutamakan kepentingan dan kebaikan ra'ayat Brunei seluruh-nya.

Tetapi itu bukan-lah bermana persahabatan Brunei yang sudah terjalan dengan negeri2 tetangga itu sudah putus.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan berkali2 dalam titah baginda mengatakan bahawa Brunei tetap menjaga hubungan dan persahabatan baik dengan negeri2 tetangga walau pun Brunei berada di-Luar Malaysia.

Brunei lebeh ingin menyertai Malaysia tetapi keadaan dan masa waktu negara baharu itu lahir belum mengizinkan.

Kesemua-nya yang telah terjadi dan berlaku dalam tahun 1963 itu ada-lah sa-suatu yang hendak kita renong bersama. Dalam renongan itu pula biar-lah segala2 itu akan menjadi satu gambaran untok menumpukan harapan bagi tahun 1964 ini.

D. Y. M. M.

MERASMIKAN

PEMBUKAAN

TUGU

PERINGATAN

(Dari Muka 1)

geris di-Brunei, Yang Terutama Inche E.O. Laird; Pegawai Daerah Temburong, Inche Mat Noor Macafee dan Pesuruhjaya Pulis Negeri Brunei, Inche A.J.W. Slater.

Sa-belum merasmikan pembukaan Tugu Peringatan tersebut Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menerima Tabek Kehormatan Di-Raja dari Pasokan Pulis Brunei dan Pasokan Pancharagam Pulis Brunei.

Kemudian semua orang yang hadir di-upachara itu telah berfakur selama beberapa minit untok memperingati Pegawai2 Kerajaan yang terkorban itu.

Sa-lepas Baginda merasmikan pembukaan Tugu Peringatan itu, Baginda telah berkesempatan menemui isteri2 dan keluarga2 Pegawai2 Kerajaan yang terkorban itu.

Di-antara para hadhirin di-upachara yang penuh kesedehan itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setiausaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman; Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Ahli2 Majlis2 Meshuarat Di-Raja, Kerajaan dan Negeri Brunei; Penghulu2 dan Ketua2 Kampung.

Mashuarat Agong

Persatuan Belia

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Belia Bandar Brunei akan mengadakan mashuarat agong tahunan-nya bertempat di-Dewan Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei pada 2 Februari, 1964 akan datang.

Dalam mashuarat tersebut penyata2 tahunan akan di-bentangkan oleh ahli2 jawatankuasa yang berkenaan sa-belum di-sampaikan kepada pehak yang berkuasa, oleh persatuan tersebut.

Ahli2 dan juga orang ramai ada-lah di-ah2kan untok bersama2 hadir dalam mashuarat itu.

Mashuarat akan di-mulai pada jam 8.30 pagi.

Peraduan Bachaan Daerah Brunei-Muara

BANDAR BRUNEI.—Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari2 Sabtu dan Ahad yang lalu.

Hadi2 kapada Khari2 dan Khari2 yang berjaya dalam peraduan itu telah di-sampaikan oleh Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh.

Sa-belum itu Timbalan Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin telah melafadzkan satu ucapan yang berharga.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki Dewasa: 1. Awang Abdullah bin Metassan. 2. Awang Mashod bin Awang Damit. 3. Awang Abdul Wahab

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Tutong

TUTONG.—Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Daerah Tutong telah di-langsungkan di-Masjid Pekan Tutong pada hari Ahad 5 Januari, 1964 dan keputusan-nya ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian Lelaki Dewasa: Johan—Awang Johari bin Khamis. Naib Johan—Awang Abdul Hamid Talipuddin.

Bahagian Perempuan Dewasa: Johan—Puan Mordziah binti Haji Mohamed Yassin. Naib Johan—Puan Ayahani binti Suhaili.

Bahagian Kanak2 Lelaki: Johan—Hasnan bin Idris. Naib Johan—Alimas bin Mohamed Daud.

Bahagian Kanak2 Perempuan: Johan—Fatimah binti Simpul. Naib Johan—Raiah binti Ali.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAERAH TEMBURONG

BANGAR.—Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Daerah Temburong telah di-adakan di-Masjid Pekan Bangar, Temburong pada 11 Januari, 1964.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki Dewasa: Johan—Awang Yusof bin Damit dan Naib Johan—Awang Abdul Latif bin Orang Kaya Haji Hassan.

Bahagian Perempuan Dewasa: Johan—Puan Asiah binti Matasan dan Naib Johan Puan Zainab binti Kalong.

Bahagian Kanak2 Lelaki: Johan—Awangku Tarsat bin Pengiran Matassan dan Naib Johan Suhaili bin Ibrahim.

Bahagian Kanak2 Perempuan: Johan—Norlia binti Orang Kaya Haji Abdul Rahim dan Naib Johan—Taibah binti Orang Kaya Haji Abdul Rahim.

Al-Koran

Wasli bin Haji Abu Bakar. 3. Roslee bin Bolhaji. 4. Ahmad bin Haji Abu Bakar dan 5. Awang Damit bin Haji Kawang.

Bahagian Kanak2 Perempuan: 1. Mastura binti Mohamed Salleh. 2. Hafsa binti Awang Alim. 3. Jamilah binti Haji Omar. 4. Rosiah binti Haji Jumat dan 5. Hanifah binti Awang Hussin.

Empat orang yang berjaya dalam tiap2 bahagian tersebut akan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei yang akan di-langsungkan di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam2 18 dan 19 Januari.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT.—Awang Abdullah bin Lakim telah menjadi johan dalam Peraduan Bachaan Kitab Suchi Al-Koran Perengkat Daerah Belait, manakala Awang Mukim bin Hassan telah menjadi Naib Johan dan Awang Mornie bin Gapar mendapat gelaran ke-3 dalam peraduan itu.

Peraduan tersebut telah diadakan dipekarangan rumah Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar di-Kuala Belait pada malam 5 Januari, 1964. Ramai Umat Islam telah hadir di-majlis itu.

Keputusan lain2 bahagian peraduan tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

Bahagian Perempuan Dewasa: 1. Puan Aminah binti Siling. 2. Puan Norleha binti Mohamed Noor. 3. Dayang Taibah binti Kudi.

Bahagian Kanak2 Lelaki: 1. Abu Bakar bin Haji Mohamed Puan. 2. Kassim bin Daud. 3. Sani bin Haji Abdul Rahman.

Bahagian Kanak2 Perempuan: 1. Hindut binti Lamat. 2. Dayangku Mariam binti Pengiran Ahmad. 3. Aminah binti Omar.

Pemenang2 pertama dan kedua dalam peraduan tersebut akan mewakili Daerah Belait dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei yang akan diadakan di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam2 18 dan 19 Januari, 1964.

MARHABAN DI-ISTANA



Beberapa orang Guru2 Ugama dan lain2-nya sedang bismillah di-Istana Darul Hana pada masa di-adakan perayaan2 sambutan Istiadat Bertindak dan Berkhatan Puteri2 Di-Raja baharu2 ini.

KERJA2 KOSONG: PEMBANTU RUMAH SAKIT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 lelaki yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk lantikan sebagai Pembantu Rumah Sakit Dalam Perchubaa di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan Bru-

nei (3 jawatan kosong).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur 18 tahun. Mereka ini mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris, atau kelulusan yang sataraf dengan-nya. Pemohon2 juga di-kehendaki mempunyai sijil sehat tuboh badan.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaa — \$211-220-230-240-250-260-280-290-300.

Pembantu Rumah Sakit Terlateh — \$350-370-380x20-600.

Sharat2 Lantekan:

Pemohon2 yang di-pilih akan menjalani lantekan untuk menjadi Pembantu Rumah Sakit Terlateh (dengan Sijil Juru-rawat Terlateh) di-Rumah Sakit Besar, Brunei.

Lazim-nya lantekan ini memakan masa selama tiga tahun.

Sa-telah tamat lantekan sebagai Pembantu Rumah Sakit dan sesudah memperoleh Sijil Juru-rawat Terlateh, pemohon2 adalah berhak di-tetapkan sebagai Pembantu Rumah Sakit Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan Kerajaan Brunei.

Pakaian Seragam:

Pakaian Seragam ada-lah diberi perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan sekiranya perlu.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Januari, 1964.

PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari calon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau siapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Tingkatan I di-Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Kelayakan2:

(i) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sepatut-nya dan mesti-lah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu selama tidak kurang daripada 3 tahun.

(ii) Mesti-lah boleh memandu kereta, bas, truck dan land-rover dan mempunyai pengetahuan tentang jentera kereta serta

boleh membaiki kerosakan yang kecil2.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji F.6-7 — \$184x4-212.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei. Borang itu mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 22 Januari, 1964.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat. Ketua2 Pejabat ada-lah di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

PERANAN PEMIMPIN2 BELIA SANGAT PENTING DAN BERNILAI DI-SISI MASHARAKAT

BANDAR BRUNEI. — Peranan yang di-pegang oleh pemimpin2 berbagai2 badan pergerakan belia di-Negeri Brunei pada masa sekarang ini ada-lah sangat2 penting dan bernilai di-sisi masharakat. Demikian kata Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Beliau telah melafadzkan kata2 sa-demikian ketika merasmikan pembukaan Seminar Kera'ayatan Belia2 Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali berkata bahawa beliau berharap sa-moga chontoh2 baik yang pemimpin2 belia tersebut tunjukkan itu biar-lah akan membawa hasil yang berguna dan berfaedah kepada anak2 yang akan datang dan tauladan sa-macham ini-lah elok di-kekalkan dan di-perkembangkan supaya ia-nya hidup subur dan mengeluarkan benih yang baik.

Terlebeh dahulu Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali berkata di-majlis tersebut bahawa beliau berasa suka-chita menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada badan penaja seminar tersebut kerana sudi menjemput beliau untuk mengishti-harkan pembukaan rasmi majlis seminar itu yang di-adakan pada julong kali di-Negeri Brunei.

"Sambil itu pula saya dengan bangga-nya menguchapkan sa-tinggi2 tahniah dan berdo'a sa-moga dengan ada-nya perkumpulan tuan2 dan puan2 hari ini dan pada hari2 yang lain hingga pengakhir seminar, akan mendatangkan faedah yang mempunyai nilai dan mutu yang tinggi", kata beliau.

Selanjut-nya Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali berkata, "Ada-nya tuan2 dan puan2 berkumpul dan dengan niat dan tujuan yang satu salama tiga hari mulai hari ini, saya perchaya tuan2 semua akan mendapat peluang ke-emasan untuk kenal mengenal antara satu dengan yang lain dengan tidak mengira bangsa dan Ugama yang berlainan.

"Dalam tempoh seminar ini berjalan, tuan2 akan berpeluang dapat mengikuti berbagai2 sharahan yang akan di-berikan oleh orang2 yang ternama dan terkenal. Dari sharahan2 yang di-berikan itu nanti, saya harap tuan2 akan dapat mengetahui dan mempelajari berbagai2 perkara, baik dalam bidang pentadbiran mau pun dalam bidang perkembangan kemajuan yang telah kita laksanakan dan yang akan kita lakukan di-negeri ini. Mudah2an kesemua-nya ini akan menjadi suatu renongan dan harapan kita semua.

"Di-samping itu, tuan2 juga nanti akan membincangkan dan

memikirkan bersama2 peranan apa-kah tuan2 sa-harus-nya sumbangkan terhadap negeri ini untuk mencapai kemajuan dan kebahagiaan yang lebeh sempurna.

"Dalam segi perkembangan atau pembenaan, tuan2 juga akan merundingkan di-kalangan tuan2 sendiri, dalam bidang mana-kah pehak pemuda-pemudi sa-mestinya mengambil bahagian.

"Untuk lebeh jelas dan tegas, bahawa dalam apa jua usaha yang hendak di-jayakan, kerjasama antara Kerajaan dengan tuan2 pemuda-pemudi sekalian harus-lah terdapat jika kema'amoran dan keamanan dalam negeri ini benar2 ada-lah menjadi idaman sa-tiap ra'ayat yang chinta kepada Tanah Ayer-nya".

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali menegaskan dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, "Hari ini tuan2 ada-lah menjadi Pemimpin2 Belia dan saya berharap besok tuan2 akan menjadi Pemimpin2 Negeri tuan2 pula.

"Sabagaimana tuan2 sedia ma'lom, bahawa peranan pemuda-pemudi di-kalangan masharakat ada-lah sentiasa menjadi suatu tumpuan perhatian dunia am-nya.

"Majlis Belia Negeri Brunei telah pun di-terima menjadi salah satu ahli dari banyak negeri di-Perkumpulan Belia Sa-

Dunia. Ini, ada-lah bermahana bahawa kegiatan belia di-negeri ini ada-lah sudah diakui dan di-kenal oleh dunia.

"Dari itu, terpu'ang-lah kepada tuan2 sekalian untuk mempertahankan nama baik yang mengharumkan negeri kita itu. Berusaha-lah dan banyakk-lah bekerja untuk kepentingan dan kebahagiaan negeri ini dan untuk mencapai chita2 bagi perkembangan

pergerakan belia".

Ketika menamatkan ucapan beliau, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah berseru kepada pemimpin2 belia yang menghadhiri Seminar Kera'ayatan tersebut supaya mereka meneruskan kerjasama antara mereka dengan kerajaan untuk mencapai keamanan dan kesentosaan Negeri Brunei yang mereka chintai ini.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin sedang mengurniakan Tauliah Chiri kepada Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud pada masa di-adakan Istiadat Bertindek Puteri2 Baginda di-Istana Darul Hana pada 2 Januari, 1964.

KERAJAAN BRUNEI BERCHITA2 MENINGGIKAN TARAF HIDUP RA'AYAT

BUNUT. — Sunggoh pun keadaan dharurat di-Negeri Brunei masah lagi berlanjutan hingga sekarang akhibat terchetus-nya kejadian dalam bulan Disember tahun 1962, akan tetapi keadaan itu tidak-lah sebagai "batu penghalang" dalam chita2 Kerajaan untuk lebeh giat lagi memaju dan meninggikan taraf hidup di-kalangan ra'ayat di-seluruh Negeri Brunei. Demikian kata Pemangku Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Yang Berhormat Awang Salleh Kadir telah berkata sademikian ketika memberikan ucapan di-upacara pembebasan bekas orang2 tahanan di-Pusat Pemulehan Bunut pada 20 Disember yang lalu.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut Awang Salleh Kadir berkata bahawa itu-lah kali yang ke-dua beliau memberikan ucapan nasehat di-Pusat Pemulehan Bunut.

BERUNTONG

"Hari ini ada-lah merupakan hari yang paling beruntung bagi saya kerana saya dapat bertemu dengan tuan2 dan dengan suka-chita-nya pula saya memberikan ucapan ini, yang saya harap,

tuan2 akan dapat-lah menerimanya jika ucapan saya ini boleh di-anggap tauladan dan jika sa-balek-nya, buatkan-lah sahaja sebagai sempadan dalam hidup tuan2", kata beliau.

Selanjut-nya Yang Berhormat Awang Salleh Kadir berkata bahawa Majlis Mashuarat Negeri Brunei, dalam persidangan-nya baharu2 ini, telah pun memromoskan beberapa so'alan yang sa-mata2-nya untuk menjamin kehidupan dalam arti kata yang sa-benar2-nya di-kalangan ra'ayat seluruh-nya, umpama-nya Undang2 Melombong Minyak dan chukai menchukai yang menjadi sumber kemashoran ra'ayat dan Negeri Brunei ini,

telah pun mendapat persetujuan dalam persidangan itu dan di-luluskan-nya.

Bagitu juga, tegas beliau, persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang bersidang baharu2 ini telah meluluskan beberapa anggaran belanjawan yang sa-mata2 untuk menjamin ketenteraman hidup ra'ayat sekalian dan di-samping itu juga Kerajaan telah, dan sedang, mengusahakan dengan sa-daya upaya membena beberapa projek baik di-luar mahu pun dalam bandar.

BEKERJASAMA

Yang Berhormat Awang Salleh Kadir telah menasihatkan orang2 tahanan itu supaya mereka bekerjasama setelah mereka di-bebaskan untuk menjayakan chita2 Kerajaan sabagaimana yang terma'lom.

Beliau telah meminta mereka supaya menyingkirkan diri mereka dari di-pengaruhi oleh anasir2 yang jahat yang boleh membawa terinaya diri mereka dan juga anak isteri mereka.

Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan menyampaikan hadiah kepada khari2 dan khariah2 yang berjaya dalam Peraduan Akhir Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei. Demikian menurut keterangan Setiausaha peraduan tersebut, Ustaz Abdul Latif bin Haji Hashim.

SEMINAR KERA'AYATAN BELIA2

BANDAR BRUNEI.—Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah mengisytiharkan pembukaan rasmi Seminar Kera'ayatan Belia2 Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 10 Januari, 1964.

Ramai wakil2 dari pertubuhan2 belia di-negeri ini telah menghadiri seminar itu mulai dari hari tersebut hingga ka-hari Isnin 13 Januari.

Tajok pembicaraan dalam seminar tersebut ia-lah "Peranan Belia Dalam Kemajuan Dan Perkembangan Negeri".

Sharahan2 mengenai Pentadbiran Kerajaan, Rancangan Kemajuan Negeri Brunei, Ugamma, Pelajaran, Undang2 dan Masharakat serta lain2-nya telah di-berikan oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan.

Pada malam 12 Januari para peserta seminar tersebut telah mempersembahkan temasha "Malam Seni Budaya" di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Tarian2 Melayu Asli, Lagu Brunei Asli, Lawak Jenaka dan berbagai2 acara telah di-persembahkan di-temasha tersebut.

Mashuarat Agong Persatuan Pemuda Penanjong

PENANJONG.—Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Kali Yang Ke-Enam, Persatuan Pemuda Penanjong, Tutong bertempat di-Sekolah Melayu Penanjong pada pagi hari Ahad 12 Januari.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche H.M. Salleh; Yang Dipertua, Lembaga Pemuda Pemuda Negeri Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Omar dan lain2-nya.

Berbagai2 perkara mengenai Persatuan Pemuda Penanjong telah di-rundingkan dalam mashuarat tersebut.

Peraduan Akhir Bachaan Al-Koran untuk menentukan kejohanan bagi seluruh Negeri Brunei pada tahun ini akan di-langsungkan di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam2 18 dan 19 Januari.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian2 Lelaki Dewasa, Perempuan Dewasa, Kanak2 Lelaki dan Kanak2 Perempuan.

Seramai 40 orang khari2 dan khariah2 yang berjaya dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah2 Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong akan mewakili daerah masing2 dalam peraduan tersebut seperti di-bawah ini:

Daerah Brunei-Muara — 16 orang, ia-itu: Bahagian Lelaki Dewasa—4 orang. Perempuan Dewasa — 4 orang. Kanak2 Lelaki — 4 orang dan Kanak2 Perempuan — 4 orang.

Daerah Tutong—8 orang, ia-itu Bahagian Lelaki Dewasa — Johan dan Naib Johan. Perempuan Dewasa — Johan dan Naib Johan. Kanak2 Lelaki — Johan dan Naib Johan. Kanak2 Perempuan — Johan dan Naib Johan.

Daerah Belait — 8 orang, ia-itu dua orang dari tiap2 bahagian.

Daerah Temburong—8 orang, ia-itu mengandungi 2 orang dari tiap2 bahagian.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN ANTARA BANGSA

Menurut keterangan Ustaz Abdul Latif, Kerajaan Malaysia sudah pun menjemput Negeri Brunei menghantarkan wakil2 untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur mulai dari 2 Februari hingga ka-6 Februari, 1964.

Sa-bagaimana pada tahun2 yang lalu, kata beliau, Negeri Brunei akan juga menghantarkan dua orang Khari2 untuk mengambil bahagian dalam peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa pada tahun ini.

Khari2 yang akan menjadi johan dan naib johan dalam Peraduan Akhir Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei, Bahagian Lelaki Dewasa pada tahun ini, akan di-pilih mewakili Negeri Brunei dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa di-Kuala Lumpur pada bulan hadapan kelak.



Puteri2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah kelihatan dalam gambar ini pada masa berarak di-keiling Bandar Brunei semasa di-adakan Istiadat Bertindak dan Berkhatan Puteri2 Di-Raja tersebut baharu2 ini.

Sharikat Minyak Hadiah Alat2 Pembesar Suara Kapada Masjid2

BANDAR BRUNEI.—Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menghadiahkan alat2 pembesar suara kapada dua buah Masjid di-Negeri Brunei ia-itu Masjid Kampong Labu Estate di-Daerah Temburong dan Masjid Kampong Puduk di-Daerah Brunei.

Alat2 pembesar suara itu telah di-sampaikan bagi pihak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad oleh Pegawai Perhubungan Raya Sharikat Minyak itu, Inche P. D. Graham kapada Imam2 Masjid2 tersebut.

Upacara menyampaikan alat2 pembesar suara itu kapada Masjid Kampong Labu Estate telah di-adakan pada pagi hari Juma'at 3 Januari, manakala upacara menyampaikan alat2 pembesar suara tersebut kapada Masjid Kampong Puduk telah di-adakan pada 10 Januari.

Kadhi Daerah Temburong, Inche Ishak bin Adam telah melafadkan ucapan bagi pihak Jabatan Hal Ehwal Ugamma di-majlis menyampaikan alat2 pembesar suara tersebut di-Masjid Kampong Labu Estate.

Kadhi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razalli bin Haji Zainuddin pula telah berucap

bagi pihak Jabatan Hal Ehwal Ugamma di-majlis yang telah di-adakan di-Masjid Kampong Puduk.

Ke-dua2 Kadhi tersebut telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih kapada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah menghadiahkan alat2 pembesar suara bukan sahaja kapada Masjid2 yang berkenaan itu, bahkan kapada lain2 Masjid dalam Negeri Brunei.

Mereka berharap sa-moga alat2 pembesar suara itu akan dapat memberikan faedah yang besar kapada penduduk2 kampong2 yang berkenaan itu pada sa-tiap masa.

KEPUTUSAN PEPEREKSAAAN SEKOLAH MENENGAH INGGERIS

BANDAR BRUNEI.—Enam orang penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan empat orang penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria telah lulus dalam Peperiksaan Sekolah Menengah "Sarawak Junior" yang telah di-adakan pada penghujung tahun lepas.

Keputusan peperiksaan tersebut adalah di-siarkan di-bawah ini:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin: Alidin bin Othman—Pangkat Ke-dua. Awangku Othman bin Pengiran Sapiudin, Alamin bin Haji Hanafiah, Chong Yaw Fah, Goh Keng Chin dan Robert Lee—semua-nya mendapat Pangkat Ketiga.

Maktab Anthony Abell: Marshal Wong, Mohamed Razali bin Haji Johari, Mohiddin bin Arjoh dan Wong Kim Fah—semua-nya mendapat Pangkat Ketiga.

Waktu Bekerja Dalam Bulan Puasa

BANDAR BRUNEI.—Waktu bekerja di-Pejabat Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei dalam Bulan Puasa ada-lah seperti berikut:

Hari2 Isnin hingga ka-hari Khamis dan hari Sabtu ia-lah dari pukul 8.30 pagi hingga ka-pukul 3 petang.

Hari2 Juma'at dan Ahad ia-lah hari2 kelepasan seperti biasa.